

## **Pemberian *Hareuta Peunulang* di Aceh: Analisis Terhadap Pengurusan *Hareuta Peunulang***

### ***The Distribution of Hareuta Peunulang in Aceh: Analysis on Management of Hareuta Peunulang***

**Zaitun Muzana<sup>1\*</sup>, Zahri Hamat<sup>1</sup>, Faisal Husen Ismail<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>University College Bestari, Setiu, Terengganu, 22100, MALAYSIA

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, MALAYSIA

\*muzana191@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2020.01.01.004>

Received 11 October 2020; Accepted 14 October 2020; Available online 02 Month 2020

**Abstrak:** Amalan adat pemberian *hareuta peunulang* di Aceh khususnya Pidie dan Aceh Besar menjadi isu berbangkit dalam kalangan ahli keluarga selepas kematian pemberi (ibubapa). Pihak ahli keluarga yang tidak berpuas hati dengan amalan pembahagian akan mempersoalkan status harta tersebut dan menuntut hak ke atas harta pusaka yang telah diberikan kepada salah seorang anak. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor timbulnya isu dalam pemberian *hareuta peunulang* di Aceh Pidie dan Aceh Besar. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan metode pengumpulan data secara lapangan dan kepustakaan. Dapatkan kajian menjelaskan bahawa faktor isu tersebut berpunca daripada tiga aspek iaitu, harta dan besarnya *peunulang*, penerima *hareuta peunulang*, dan cara pemberian *peunulang*. Kajian ini mencadangkan bagi penyelesaian ketiga aspek tersebut dengan mengikut tata cara hibah yang disyorkan Islam secara khusus serta mengikut tata cara muamalat dalam Islam. Ini kerana amalan pemberian *peunulang* di Aceh tidak jauh berbeza dengan instrumen hibah dalam Islam kecuali dalam beberapa hal tertentu. Kajian ini mencadangkan kajian lanjutan berkaitan pengurusan pentadbiran pemberian harta pusaka di Aceh bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit dalam masyarakat.

**Kata kunci:** *Hareuta Peunulang*, Hibah, Pengurusan, Anak Perempuan

**Abstract:** Customary practice of giving *hareuta peunulang* in Aceh Pidie and Aceh Besar issue arising among family members after the death of the (parent). Family members who are dissatisfied with the practice of division will question the status of the property and claim the right to the estate that has been given to one of the children. This study was conducted to identify factors issues arise in the administration of *hareuta peunulang* in Aceh Pidie and Aceh Besar. This study is a qualitative study with field and library data collection methods. The findings of the study explain that the issue factor stems from three aspects, namely, the property and size of the repeat, the recipient of the next repeat, and the method of giving the repeat. This study

\*Corresponding author: [muzana191@gmail.com](mailto:muzana191@gmail.com)  
2020 UTHM Publisher. All rights reserved.  
[publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs](http://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs)

*proposes for the solution of these three aspects by following the hibah procedures recommended by Islam specifically and according to the muamalat procedures in Islam. This is because the practice of giving peunulang in Aceh is not much different with the grant instrument in Islam except in some particular cases. This study suggests further research related to the administrative management of the estate administration in Aceh to resolve issues that arise in society.*

**Keywords:** *Hareuta Peunulang, Bequest, Management, Daughters.*

## 1. Pendahuluan

Pemberian *hareuta peunulang* merupakan amalan adat di Aceh khususnya Aceh Besar dan Pidie [1]. Amalan pemberian tersebut telah diperaktikkan secara turun menurun mulai semenjak adat ini diperkenalkan dan dijalankan pada zaman pemerintahan Sulthanah Safiatuddin (1050-1086) hingga sekarang. Dahulu, *peunulang* diberikan dengan tujuan untuk menjaga kemaslahatan kaum wanita yang ditinggal mati oleh para suami yang gugur dalam perang melawan penjajah [2]. Namun perubahan berlaku apabila pada masa sekarang, *peunulang* diberikan untuk pelbagai tujuan lainnya di antaranya adalah sebagai bekalan dan persediaan hidup berumah tangga. Secara umumnya, pemberian *peunulang* secara asasnya tidak jauh berbeza dengan bentuk hibah dalam Islam. Oleh sebab itu, sebahagian masyarakat memahami *peunulang* sebagai bentuk hibah. Namun sebahagian lainnya berpandangan bahawa *peunulang* berbeza dengan hibah.

Pemberian harta kepada anak telah dibincangkan dalam hukum fekah. Pemberian harta kepada ahli waris semasa hidup pemberinya dinamakan hibah. Perkara ini dibolehkan dalam mazhab fekah berdasarkan kepada hadith Nabi Muhammad SAW. Pemberian tersebut adalah atas sebab-sebab tertentu yang difikirkan munasabah oleh pemberinya. Begitu juga dari sudut kemaslahatan pemberian hibah kepada ahli keluarga tertentu dengan sebab tertentu.

Walaupun pemberian *hareuta peunulang* membawa pelbagai kemaslahatan bagi si penerimanya, ianya juga boleh menjadi isu keluarga yang mendarangkan pelbagai kesan negatif. Hampir setiap tahun isu ini dibicarakan di peradilan sama ada di Peradilan Adat ataupun Mahkamah Syar'iyyah [3]. Pertikaian antara ahli keluarga tidak berlaku semasa pemberi *peunulang* (ibu-bapa) masih hidup demi menghormati keputusan mereka. Namun ketidakpuasan ke atas keputusan pemberian *hareuta peunulang* berlaku selepas ibubapa mereka meninggal dunia. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti sebab-sebab berlakunya isu dalam pemberian *hareuta peunulang*.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan proses pengumpulan data melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan dijalankan dengan meneliti beberapa dokumen pembicaraan tentang hibah khususnya *hareuta peunulang* di Peradilan Adat Kampung dan dua Peradilan Daerah di Aceh iaitu Mahkamah Syar'iyyah Banda Aceh dan Mahkamah Syar'iyyah Pidie. Begitu juga data diperolehi melalui beberapa penulisan terdahulu yang berkaitan dengannya. Kajian lapangan pula dijalankan melalui temubual dengan 11 responden yang pernah menerima pemberian *hareuta peunulang* dan pernah berpengalaman dalam menguruskan isu *peunulang*.

## 3. Kajian Literatur

Kajian literatur menunjukkan telah wujudnya penulisan dan pengkajian berkaitan *hareuta peunulang* di Aceh. Di antaranya kajian yang dilakukan Abdurrahman (2000) yang mengkaji konsep dan tujuan *hareuta peunulang* di Pidie menyatakan bahawa *hareuta peunulang* di Pidie diberikan dengan beberapa tujuan iaitu untuk menggantikan mahar yang diambil oleh orang tua untuk persiapan perkahwinan anak perempuannya [4]. Selain itu pemberian tersebut bertujuan memberi bekal kepada anaknya dalam memasuki keluarga baharu bersama suaminya (modal dan pegangan bila bercerai hidup

atau mati). Begitu juga, ianya sebagai bentuk kasih sayang kerana anak perempuan lebih dekat dengan orangtua disebabkan isteri sebagai pengatur kehidupan rumah tangga (*po rumoh*). Pemberian tersebut juga dimaksudkan untuk mencegah isteri melakukan hal yang dilarang agama dalam memenuhi keperluan hidupnya bila terjadi perceraian.

Manakala kajian yang telah dijalankan Afrizal (2014) menambahkan tujuan pemberian *hareuta peunulang* adalah untuk mengimbangi bahagian pusaka yang diterima anak lelaki 2:1 daripada anak perempuan [5]. Manakala sebahagian lainnya mengamalkan pemberian *hareuta peunulang* bagi melestarikan amalan budaya turun menurus warisan orang tua dahulu.

Pelaksanaan pemberian *hareuta peunulang* secara khusus juga menimbulkan perbalahan dalam kalangan ahli keluarga yang tidak berpuas hati dengan tata cara amalan tersebut. Namun keadaan tersebut telah diperkirakan oleh pemimpin masyarakat Aceh. Sehingga kewujudan mahkamah diperingkat kampung diwujudkan. Menurut kajian Munirah, L. & Mansur, T. M. (2017) yang mengkaji konsep dan kesan daripada pelaksanaan *hareuta peunulang* di Daerah Pidie, Aceh, mendapati bahawa persengketaan yang terjadi dalam pelaksanaan *hareuta peunulang* dapat diselesaikan secara damai di Peradilan Adat Kampung [6].

Di Aceh Besar, amalan pemberian *hareuta peunulang* kepada anak perempuan berlaku sebelum harta pusaka dibahagikan kepada ahli waris lain. Dapatkan kajian Ilyas (2016) menjelaskan bahwa sebahagian masyarakat Aceh Besar memberikan *hareuta peunulang* untuk anak perempuan lebih banyak dibandingkan dengan anak lelaki sebelum harta warisan dibahagi [7]. Proses pemindahan kepemilikan harta orang tua kepada anak perempuan dalam jumlah yang lebih besar berbanding hak harta pusaka yang diterima anak lelaki tidak menimbulkan sengketa ketika orang tuanya masih hidup. Perselisihan timbul setelah orang tua yang telah memberikan *hareuta peunulang* meninggal dunia. Jika berlaku perselisihan, perkara tersebut dibicarakan secara *sulh* (damai) di Mahkamah Syar'iyyah. Tindakan ini diambil untuk mencegah keretakan dalam sesebuah institusi kekeluargaan, khususnya ikatan persaudaraan antara ahli keluarga yang mewarisi harta pusaka.

#### **4. Dapatkan Kajian dan Perbincangan**

##### **4.1 Mengenalpasti sebab-sebab berlakunya isu dalam pemberian *hareuta peunulang***

Berdasarkan data yang diperoleh sama ada melalui kajian pustaka dan kajian lapangan didapati beberapa faktor yang menjadi penyebab timbulnya isu dalam pemberian *hareuta peunulang*. Faktor-faktor tersebut akan dibahagi kepada tiga aspek, iaitu:

###### **1. Jenis Harta dan Besarnya Jumlah *Peunulang***

Menurut R1, Boihaqi, seorang tokoh agama di Utoe Buloe, bahawa dari segi harta benda, majoriti masyarakat Aceh (Pidie dan Aceh Besar) memberikan *hareuta peunulang* seperti rumah dan tanah pekarangannya. R2, Khalil, seorang pendakwah bebas di Pidie, menambahkan bahawa kebiasaan yang dilakukan masyarakat Pidie memberikan rumah yang dijadikan *peunulang* adalah rumah yang berdekatan jaraknya dengan orang tuanya ataupun rumah tempat tinggal orang tuanya. Hal ini bertujuan supaya anak yang menerima harta tersebut dapat tinggal dekat serta berdampingan dengan orang tua. Mereka berharap supaya anak perempuan dapat menjaga dan merawat mereka ketika masa tua nanti. Namun, harta tersebut kerap menjadi isu yang dipersoalkan oleh ahli waris lain selepas pemberi harta (ibubapa) meninggal dunia. Manakala harta benda lain milik orang tua seperti haiwan ternak, perhiasan emas dan peralatan rumah tangga (harta boleh alih) tidak dipermasalahkan. Beberapa kes berkaitan *hareuta peunulang* dicatatkan dan dibicarakan dalam Mahkamah Syar'iyyah Pidie dan Aceh Besar. Pada tahun 2012 hingga 2019 terdapat sebutan 15 kes hibah yang dibicarakan. Dalam jumlah kes tersebut, termasuk perbicaraan kes pemberian *peunulang* terkait harta tak alih seperti rumah dan tanah.

Mengikut pemerhatian yang dijalankan, harta rumah dan tanah pekarangannya kerap menjadi harta yang terbiar dan tidak terurus dengan baik selepas pemberi *peunulang* (ibubapa) meninggal dunia. Ianya disebabkan anak perempuan yang memperolehi harta tersebut tidak menempatinya disebabkan telah memiliki rumah dan tanah sendiri mahupun mengikut tempat tinggal yang disediakan suami. Keadaan ini menyebabkan harta tak alih tersebut tidak dimanfaatkan selepas kematian orang tua seperti disewakan atau diwakafkan. Hal ini menurut R2 kerana dianggap sebagai rumah tempat berhimpun keluarga pada saat hari raya, kenduri kahwin dan pelbagai program lainnya yang melibatkan keluarga besar. Bahkan juga tidak dijual kerana dipercayai akan mendatangkan kemurkaan orang tua mereka yang telah meninggal dunia serta dapat menyebabkan kemiskinan bagi si penjual.

## 2. Penerima *Hareuta Peunulang*

Asal mula pemberian harta kepada ahli waris yang kemudian hari menjadi adat *peunulang* adalah untuk menjaga kemaslahatan para janda yang ditinggal suami yang telah gugur dalam medan peperangan (jihad) [8]. Hal ini menjelaskan bahawa dahulu *peunulang* hanya diberikan kepada anak perempuan yang telah berkahwin sahaja. R3, Pn. Cut Kaslinda, menyatakan bahawa adat ini turut diamalkan dalam masyarakat Pidie dan beberapa tempat di Aceh Besar di mana yang menerima *peunulang* terhad kepada anak perempuan sahaja yang telah berkahwin. Oleh sebab itu, besar kemungkinan berlaku ketidakpuasan dan sikap “terpaksa” dari pihak ahli waris lelaki dalam menerima keputusan orangtua mereka yang kemudian menjadi isu setelah pemberi *peunulang* (ibu-bapa) meninggal dunia.

## 3. Cara Pemberian *Peunulang*

Pemberian *peunulang* biasanya akan diadakan secara adat yang dikenal dengan acara *peumengkleuh* (pemisahan). Hal ini dilaksanakan selepas satu tahun perkahwinan anak perempuan atau setelah memiliki anak [9]. Menurut R4, Muhammad Sulaiman, pemberian ini hanya dilakukan secara lisan oleh ibubapa kepada anak perempuan dengan disaksikan oleh ketua kampung dan beberapa tokoh masyarakat kampung. Walau bagaimanapun tidak semua masyarakat akan mengadakan acara *peumeukleuh* ini pada saat pemberian *peunulang*. Pemberian dapat sahaja dilaksanakan secara kekeluargaan antara ibubapa dan anak-anaknya sahaja. Namun, pemberian melalui ucapan lisan sahaja tanpa surat perakuan dan disaksikan oleh pegawai kerajaan bertauliah adalah suatu akad yang tidak memiliki kekuatan hukum. Oleh itu, ia menjadi isu yang akan berlaku dan memberi kesan tidak baik selepas ibubapa meninggal untuk diungkit kembali *peunulang* yang telah diberikan kepada anak perempuan.

Berdasarkan kepada faktor-faktor yang tersebut di atas, berikut akan dicadangkan beberapa penambah baikan dalam pemberian *hareuta peunulang*. Cadangan-cadangan tersebut adalah sebagaimana berikut:

### 1. Mendahulukan asas keadilan.

Keadilan adalah suatu nilai dan sikap yang sangat dituntut dalam Islam. Dalam surah al-Nisa' ayat 135 Allah S.W.T berfirman:

“Wahai orang yang beriman! Jadilah kamu penegak keadilan, menjadi saksi (menerang kebenaran) kerana Allah, walaupun terhadap dirimu sendiri atau terhadap ibu-bapa atau kaum kerabatmu.”

Ayat di atas menjadi petunjuk serta menegaskan bahawa berlaku adil merupakan sikap yang diperintahkan untuk ditegakkan bermula daripada yang paling terdekat iaitu diri sendiri, ibu-bapa, dan seterusnya kaum kerabat. Dan apabila berlaku adil terhadap keluarga sendiri adalah suatu kewajiban, maka berlaku adil terhadap bukan kerabat juga tuntutan yang perlu dilaksanakan.

Berkaitan dengan pemberian *peunulang*, maka aspek keadilan berkaitan pemberian harta di sini dapat dilihat dari dua sudut, iaitu keadilan gender dan keadilan kuantiti harta.

1.1 Keadilan gender bermaksud bahawa *peunulang* turut diberikan kepada semua anak sama ada anak lelaki atau anak perempuan. Keduanya memiliki hak atas harta pemberian ibubapa. Ini berdasarkan keumuman kata “anak-anak” dalam sabda Rasulullah saw. yang menasehati Basyir bin Sa’ad yang telah memberikan harta hanya kepada salah seorang anaknya iaitu Nu’mān bin basyir. Baginda Nabi Muhammad S.A.W bersabda:

“Takutlah engkau kepada Allah dan berlaku adillah kepada anak-anakmu.” (Riwayat Bukhari) [10].

Berpandukan hadits di atas, ulama fiqh dan hadits berbeza pendapat dalam menetapkan hukum adil dalam pemberian. Sebahagian berpendapat hukumnya wajib, kerananya haram untuk membezakaninya[11]. Manakala majoriti ulama fiqh dan hadits memandang perintah adil dalam hadits di atas adalah sunnah dan makruh membezakannya [12].

Walau bagaimanapun, perlakuan tidak adil boleh mendatangkan pelbagai kesan buruk dalam keluarga seperti pertikaian dan kedengkian antara adik beradik, pembangkangan anak kepada orangtua, serta sikap ketidak percayaan anak terhadap orangtua. Hal ini boleh mengakibatkan keinginan anak berbakti kepada orangtua kerana perasaan mereka telah terguris akibat diperlakukan tidak adil. Demikian Rasulullah pernah mengingatkan Basyir bin sa’ad ketika tidak mengendahkan asas keadilan ini. Baginda Nabi Muhammad S.A.W. bersabda:

“Tidakkah kamu senang jika anak-anakmu berbakti kepadamu secara sama.”(HR. Muslim) [13].

Maka dalam kes pemberian *peunulang* di Aceh, walaupun telah menjadi adat bahawa *peunulang* ini diberikan kepada anak perempuan yang telah berkahwin, eloklah juga apabila diberikan kepada anak lelaki seperti yang diamalkan di beberapa tempat di Aceh besar. Dan apabila ingin diberikan pada salah seorang anak sahaja, maka persetujuan dari anak lainnya mestilah diambil kira. Semua ini bertujuan untuk membendung timbulnya pertikaian antara ahli waris kelak.

1.2 Keadilan dalam hal kuantiti harta pemberian. Dalam sebuah hadis dari Abdullah Ibn Abbas, Rasulullah S.A.W. bersabda:

“Berlaku samalah kepada anak-anakmu dalam pemberian, dan sekiranya hendak melebihkan, maka hendaklah kelebihan itu diberikan kepada anak perempuan.” (HR. al-Thabrani dan al-Baihaqi) [14].

Berkaitan hadits di atas, ulama fiqh berselisih pendapat dalam mengertikan kata “adil” apabila dikaitkan dengan anak lelaki dan perempuan. Majoriti ulama (Abu Yusuf dari mazhab Hanafiyah, Malikiyyah, dan Syafi’iyah) berpendapat bahawa maksud adil adalah dengan memberikan harta yang sama besar jumlahnya kepada anak lelaki dan anak perempuan [15]. Sementara mazhab Hanabilah dan Muhammad dari mazhab Hanafiyah berpendapat bahawa pemberian terhadap anak-anak adalah berdasarkan bahagian yang telah ditetapkan dalam undang-undang harta pusaka menurut agama Islam, iaitu bahagian anak lelaki 2:1 daripada bahagian anak perempuan [16].

Walau bagaimanapun, melebihkan seorang anak daripada anak lainnya tidaklah dilarang apabila ada persetujuan dari anak-anak lainnya, atau atas sebab-sebab tertentu seperti kemiskinan dan besarnya keperluan seorang anak terhadap harta untuk menafkahi hidupnya. Hal ini pernah dilakukan oleh Abu Bakar yang memberikan 20 wasaq/gantang kepada salah seorang anaknya yang dikhuatiri keadaan hidupnya menjadi miskin selepas Abu Bakar meninggal dunia [17]. Rasulullah S.A.W. bersabda:

“...dan sekiranya hendak melebihkan, maka hendaklah kelebihan itu diberikan kepada anak perempuan.” (HR. al-Thabranî dan al-Baihaqî) [18].

Ini menunjukkan bahawa pemberian dengan kadar harta yang berbeza antara anak lelaki dan anak perempuan adalah dibenarkan di mana bahagian yang diterima anak perempuan lebih daripada anak lelaki.

Kaitannya dengan harta *peunulang* di Aceh, maka pemberian *peunulang* daripada ibubapa kepada semua anaknya sama ada anak lelaki atau anak perempuan adalah diharuskan. Seterusnya, Ibubapa pula hendaklah dapat memastikan setiap anak memperoleh harta *peunulang* secara sama rata walaupun dengan kadar kuantiti yang sedikit.

Walau bagaimanapun, sekiranya hendak melebihkan salah seorang anak, maka kelebihan itu hendaklah diberikan kepada anak perempuan, atau atas sebab-sebab tertentu yang melayakkkan pemberian untuknya lebih daripada anak lainnya, seperti tahap ekonomi salah seorang anak lebih rendah daripada anak lainnya. Selain itu, persetujuan dari semua anak pula mesti diambilkira. Hal ini adalah sebagai langkah untuk meminimumkan timbulnya isu selepas kematian ibubapa.

## 2. Memberikan harta sesuai keperluan.

Ibubapa lebih patut membincangkan bersama ahli keluarga dalam memberikan harta *peunulang* kepada anak. Ibubapa pula patut membincangkan akan harta yang menjadi keperluan anak dalam membina suatu kehidupan baharu bersama pasangannya. Pemberian harta kepada anak bukanlah sekedar hanya atas dasar keinginan ibubapa sahaja. Hal ini kerana besar kemungkinan pemberian akan menjadi sia-sia disebabkan harta tidak dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh anak. Kesannya harta terbiar tidak terurus dan cenderung tidak dimanfaatkan kerana bukan keperluannya.

Oleh itu, pemberian ini dapat dinilai sebagai bentuk pembaziran harta yang dilakukan oleh ibubapa kerana termasuk dalam pembelanjaan harta secara berlebihan (*israf*). Perbuatan ini adalah dilarang dalam Islam, Allah S.W.T berfirman dalam surah al-Isra' ayat 26:

“Dan janganlah kamu membelanjakan (hartamu) secara boros.”

Al-Thabary dalam tafsirnya menjelaskan kata *tabzir* (pembaziran) pada ayat di atas bermaksud *al-israf* (berlebih-lebihan/melampaui batas) iaitu pembelanjaan harta secara tidak benar (*ghair haq*) atau batil. Ini kerana harta yang diberikan menjadi sia-sia tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya [19].

Pemberian harta di luar keperluan pula adalah tidak selari dengan tujuan dari amalan *peunulang* itu sendiri iaitu sebagai bekal dalam kehidupan baharu. Hal ini kerana harta tidak membawa manfaat bagi penerima harta. Namun, ini tidak bermakna bahawa adat masyarakat yang memberikan rumah dan tanah pekarangannya sebagai *peunulang* tidak boleh terus diamalkan.

Justeru, ia adalah amalan yang baik apabila harta tersebut adalah keperluan kepada anak yang baharu membina rumah tangga. Hal ini kerana pemberian harta merupakan harta asas bagi keperluan hidup. Walau bagaimanapun, hal ini akan berbeza keadaan apabila anak yang hendak diberikan harta seperti rumah tersebut telah memiliki rumah sendiri dan berkerjaya pula.

Oleh itu, kecenderungan kepada pemberian lain selain rumah dan pekarangannya adalah lebih baik. Kerananya, apabila ibu-bapa hendak juga memberikan *peunulang* kepada anak tersebut maka eloklah menanyakan kepada anak akan harta yang menjadi keperluannya. Walau bagaimanapun, permintaan anak terhadap harta yang sesuai baginya merupakan yang sesuai dengan kemampuan ibubapa.

## 3. Akad pemberian perlu bertulis.

Penulisan atas sebuah akad tidak hanya berlaku ketika melakukan akad hutang piutang sebagaimana yang tersebut dalam ayat al-Baqarah ayat 282. Namun juga perlu diamalkan dalam akad

pemberian *hareuta peunulang* sebagai bentuk aplikasi daripada ayat tersebut. Allah S.W.T berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 282:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu melakukan hutang piutang untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menulisnya.”

Majoriti ulama berpendapat bahawa perintah menulis dalam ayat di atas bertujuan untuk menjaga harta benda serta menghilangkan keraguan. Hal itu juga bertujuan sebagai bukti bila suatu masa berlaku perkara perbalahan di antara ahli keluarga [20]. Bahkan Al-Jauzi dalam kitab *Zad al-Masir fi 'Ilm al-Tafsir* menambahkan bahawa tujuan penulisan adalah untuk menghalang kezaliman orang lain sebab seseorang yang memiliki catatan atau akad yang bertulis sangat sedikit keinginan orang lain untuk mempertikainya [21].

Seterusnya akad ini pula perlu ditandatangani oleh pihak yang berakad dan disaksikan pula oleh yang memegang kuasa dalam sesbuah pentadbiran kampung. Ianya sebagai bukti kukuh sahnya akad serta dapat dipergunakan bila suatu saat ada pihak-pihak tertentu yang meragukan pemberian tersebut. Melalui cara ini maka perselisihan yang muncul selepas ibubapa meninggal dapat dielakkan.

## 5. Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa amalan pemberian *hareuta peunulang* dari ibubapa kepada anak-anaknya adalah bentuk amalan adat yang mendatangkan faedah dan kemaslahatan bagi kedua belah pihak khususnya anak sebagai penerima harta. Secara zahirnya, tidak ada perbezaan yang ketara antara pemberian *peunulang* dengan hibah dalam Islam selain kepemilikan secara utuh akan *hareuta peunulang* berlaku selepas pemberi (ibubapa) meninggal dunia.

Oleh sebab itu, *hareuta peunulang* boleh ditarik kembali oleh ibubapa apabila anak melakukan kesalahan atas harta tersebut. Penerima harta (anak) hanya memiliki hak pakai sahaja, kerananya ia tidak boleh melakukan akad jual beli, sewa menyewa, dan berbagai akad lain yang menghilangkan hak pakai anak terhadap harta pemberian.

Walau bagaimanapun, amalan adat ini juga boleh memberi kesan negatif. Kesan negatif berlaku apabila pemberian *hareuta peunulang* dilaksanakan dengan tidak mengamalkan kaedah-kaedah Islam yang ditetapkan dalam akad hibah seperti keadilan dalam pemberian. Di antara kesan tersebut seperti persengketaan antara ahli keluarga selepas ibubapa (pemberi) meninggal dunia.

Justeru, upaya untuk mencegahnya adalah dengan mengikuti garis panduan yang telah ditentukan Islam khususnya dalam akad hibah dan umumnya dalam akad muamalat. Walaupun ada perbezaan antara adat *peunulang* dan hibah, namun persamaan antara keduanya lebih ketara.

## Acknowledgement

The authors express their sincere gratitude to the Centre for General Studies and Co-curricular, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) for its support.

## Rujukan

- [1] A. Hasjmy, 59 Tahun Aceh Merdeka di Bawah Pemerintahan Ratu. Jakarta: Bulan Bintang, 1977, pp. 128.
- [2] M. K. Daud, and R. Akbar, “Hareuta Peunulang: Protection of Women in Aceh according to Customary and Islamic law,” SAMARAH: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam, vol. 4, no. 1, pp. 259-281, 2020.
- [3] F. Fauzi, “Hibah Hareuta Peunulang Dalam Perspektif Hukum Islam,” At-Tabayyun, vol. 3, no. 2, pp. 99-113, 2019.

- [4] Abdurrahman, "Hareuta Peunulang: Suatu Penelitian di Kabupaten Pidie," Pusat Penelitian Ilmu-Ilmu Sosial dan Budaya (PPISB) Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh , 2000.
- [5] Afrizal, "Pelaksanaan dan Status Hukum Pemberian Orang Tua Kepada Anak Perempuan Melalui Hareuta Peunulang di Kabupaten Aceh Besar," Tesis Sarjana, Universitas Sumatera Utara, Medan, 2014.
- [6] L. Munirah, and T. M. Mansur, "Pelaksanaan Hareuta Peunulang Menurut Tinjauan Kompilasi Hukum Islam di Kabupaten Pidie, Aceh, Indonesia," Jurnal Ilmiah Mahasiswa Bidang Hukum Keperdataan, Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, ISSN: 2597-6893, vol. 1, no. 1, pp. 118-125, 2017.
- [7] Ilyas, "Analisis Penyelesaian Hareuta Peuneulang Menurut Hukum Adat dan Hukum Islam," Jurnal Ilmu Hukum, vol. 18, no. 1, pp. 97-107, 2016.
- [8] A. Hasjmy, 59 Tahun Aceh Merdeka di Bawah Pemerintahan Ratu. Jakarta: Bulan Bintang, 1977.
- [9] Abdurrahman, "Hareuta Peunulang: Suatu Penelitian di Kabupaten Pidie," Pusat Penelitian Ilmu-Ilmu Sosial dan Budaya (PPISB) Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh , 2000.
- [10] Al-Bukhari, Shahih al-Bukhari, juz II, cet. III, Beirut: Dar Ibn Katsir, 1987, pp. 914.
- [11] Al-Baji, al-Muntaqa Syarh al-Muwaththa', juz VI, Mesir: Matba'ah al-Sa'adah, 1332 H, pp. 116.
- [12] Al-Mubarakfuri, Tuhfah al-Ahwazi, juz IV, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, pp. 507-508.
- [13] Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Naisaburi, Shahih Muslim, juz III, Beirut: Dar Ihya' al-Turats al-'Araby, pp. 1241.
- [14] Al-Baihaqi, Sunan al-Baihaqi al-Kubra, juz VI, Makkah: Maktabah Dar al-Baz, 1994, pp. 177.
- [15] Wahbah al-Zuhaily, al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh, juz V, cet. 4, Suriah: Dar al-Fikr al-Mu'ashir, 1997, pp. 651-652.
- [16] Wahbah al-Zuhaily, al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh, juz V, cet. 4, Suriah: Dar al-Fikr al-Mu'ashir, 1997, pp. 652.
- [17] Malik bin Anas, Muwaththa' Malik, juz II, Beirut: Dar Ihya' al-Turats al-'Araby, pp. 752.
- [18] Al-Baihaqi, Sunan al-Baihaqi al-Kubra, juz VI, Makkah: Maktabah Dar al-Baz, 1994, pp. 177.
- [19] Al-Thabariy, Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Aay al-Quran, jld. 5, cet. 1, Beirut: Muassasah al-Risalah, 1994, pp. 566.
- [20] Al-Tha'alaby, al-Jawahir al-Hasan fi Tafsir al-Qur'an, juz I, Beirut: Muassasah al-A'lami li al-Mathbu'ah, pp. 229.
- [21] Al-Jauzy, Zad al-Masir fi 'Ilm al-Tafsir, Juz.1, cet. 3, Beirut: al-Maktab al-Islamy, 1404 H, pp. 336.